

PERKAITAN ANTARA JANGKAAN, TAHAP PENDIDIKAN DAN STATUS SOSIO-EKONOMI IBU BAPA TERHADAP KEPUASAN KEIBUBAAPAN DALAM KALANGAN IBU BAPA BEKERJA DI SABAH (THE ASSOCIATION BETWEEN PARENTAL EXPECTATION, LEVEL OF EDUCATION AND SOCIO-ECONOMIC STATUS ON PARENTING SATISFACTION AMONG WORKING PARENTS IN SABAH)

Abdul Adib Asnawi¹
Agnis Sombuling

*Fakulti Psikologi dan Pendidikan
Universiti Malaysia Sabah*

¹Corresponding author: abdul_adib91@yahoo.com

ABSTRACT

Expectations and satisfactions are two different yet interrelated area. Hence, the main purpose of this study is to investigate the influence of working parent expectation on parenting satisfaction among working parents in Sabah. In addition, this study also examines the differences of the background of respondents in terms of socio-economic status and the level of education towards parenting satisfaction in Sabah. The study employed purposive sampling survey method with questionnaire. It has been distributed to 210 working parents in various sectors around Kota Kinabalu and Beaufort, Sabah. The set of questionnaire used in this study comprising the Parent Comparison Level Index (PCLI) to measure parental expectation and the Parent Satisfaction Scale (PSS) used to measure parenting satisfaction. The data obtained were analyzed using the IBM SPSS version 23 software through simple regression test and one-way ANOVA test according to the objectives of the study. The results of the analysis showed that parental expectations were significantly and positively influencing parenting satisfaction with a contribution of 34.6 percent variance. Whilst, the difference in education level and socio-economic status of parents shows that there is no difference in parenting satisfaction. In conclusion, higher parenting expectation will lead to higher parenting satisfaction. However, parenting satisfaction is not related to the differences in educational background and socioeconomic status of the parents. The implication of this study is toward parents and the aspect involving parenting satisfaction.

Keywords: *parent's expectation, parenting satisfaction, level of education, sosio-economy status*

PENGENALAN

Sebahagian besar anggota masyarakat menganggap ibu bapa merupakan golongan terpenting kerana ibu bapa dilihat memainkan peranan yang cukup besar dalam pelbagai aspek yang bukan sahaja meliputi aspek keluarga, tetapi juga akan menyumbang kepada pembentukan budaya dan sosial dalam sesuatu komuniti. Meskipun peranan dan tanggungjawab yang dipikul oleh seorang ibu bapa itu besar, namun peranannya adalah sangat bernilai dan menjadi dambaan bagi kebanyakan individu (Langdridge *et al.*, 2000). Hal ini dapat dikaitkan dengan ahli keluarga yang dimiliki sekarang khususnya ibu bapa dalam sesebuah keluarga itu memberikan pengalaman positif dan menyeronokkan serta

galakan kepada generasi baru (anak) untuk memiliki keluarga sendiri dan seterusnya menjadi seorang ibu bapa yang berjaya seperti mereka.

Merujuk kepada statistik yang di keluarkan di Kanada, hampir 90 peratus pasangan yang berkahwin melaporkan memilih untuk membentuk keluarga dengan memiliki sekurang-kurangnya satu orang anak (Bouchard, 2009). Keputusan ini juga menunjukkan bahawa masa depan masyarakat untuk menjadi seorang ibu bapa adalah realistik, dan pada masa yang sama ia juga menunjukkan tentang bagaimana ibu bapa itu sendiri mampu mempengaruhi dalam beberapa aspek kehidupan (Harwood *et al.*, 2007; Lawrence *et al.*, 2007). Ini termasuklah juga

aspek yang berkaitan dengan jangkaan yang mereka letakkan dan kepuasan yang bakal mereka perolehi dalam aspek keibubapaan.

Jangkaan dijelaskan sebagai suatu piawai yang merujuk kepada perbandingan antara masa dengan hasil yang diterima oleh seseorang sama ada positif ataupun negatif (Conner-Spady *et al.*, 2011). Menurut Conner-Spady *et al.*, (2011), jangkaan merupakan kepercayaan pada diri seseorang mengenai formula yang berkaitan dengan masa depannya. Jangkaan yang berhubung dengan masa depan adalah merujuk kepada rancangan, aspirasi dan ketakutan pada perkara yang difikirkan kemungkinan berlaku dalam kehidupan sama ada dalam masa terdekat ataupun pada masa hadapan (Seginer, 2009). Jangkaan pada masa hadapan adalah sesuatu yang penting dalam kitaran sepanjang hidup manusia, dan ia juga penting dalam masa-masa krisis dan transisi (Suhaimi-Aidan & Benbenishty, 2011). Misalnya, dari seorang yang bergelar suami isteri melalui transisi menjadi seorang ibu bapa.

Dari sudut jangkaan ibu bapa, Conner dan Nelson (1999) menjelaskan ibu bapa yang mempunyai latar belakang yang pelbagai akan mempunyai perbezaan dari segi jangkaan dan persepsi. Pernyataan yang hampir sama tetapi makna yang lebih mendalam dikeluarkan oleh Tsironi *et al.*, (2012) menerusi kajiannya yang menjelaskan bahawa ibu bapa dengan perbezaan latar belakang sosio-budaya mempunyai pengalaman, kepercayaan, persepsi, jangkaan dan keperluan yang berbeza-beza mengikut budaya. Manakala, Liu dan Wang (2015) pula menerangkan bahawa jangkaan yang tinggi mencipta stres yang tinggi dalam keibubapaan bagi ibu bapa di China dan sebaliknya pula apabila ibu bapa mempunyai jangkaan yang rendah. Hasil keputusan ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh McNulty dan Karney (2002) yang mendapati tingginya permintaan (*demand*) terhadap jangkaan akan mengalami kesukaran untuk dicapai. Apabila jangkaan tidak mampu dicapai, ia akan menyumbang kepada kepuasan yang rendah. Oleh itu dapat disimpulkan, jangkaan mempunyai peranannya yang tersendiri dan dilihat mempunyai kesignifikan dengan kepuasan dalam pelbagai aspek termasuklah dalam aspek kepuasan keibubapaan.

Kepuasan secara amnya dilihat dapat membantu mewujudkan kehidupan yang sempurna dan tenteram kepada individu (Uysal & Cirlak, 2014). Pengukuran kepuasan keibubapaan telah bermula sejak tahun 1970an lagi (Carpenter & Donohue, 2006). Menurut Carpenter dan Donohue (2006), terma bagi kepuasan keibubapaan telah digunakan untuk menggambarkan sama ada kepuasan dalam peranan keibubapaan atau kepuasan ibu bapa terhadap anak-anak. Mouton dan Tuma (1988) menjelaskan kepuasan keibubapaan dari sudut peranan keibubapaan adalah sebagai perasaan ibu bapa terhadap kepuasan hati atau kepuasan berhubung dengan tanggungjawab ibu atau bapa terhadap anak. Sementara, Johnston dan Mash (1989 dlm Carpenter & Donohue, 2006) pula melaporkan kepuasan keibubapaan merupakan kualiti yang memberi kesan dalam aspek keibubapaan. Manakala, Pridham dan Chang (1989 dlm Salonen *et al.*, 2011) pula menjelaskan kepuasan keibubapaan didefinisikan sebagai satu keseronokan atau kepuasan yang berhubung terus dengan peranan keibubapaan. Ini termasuklah perasaan puas yang diperolehi daripada tugas menjaga anak, bagaimana ibu bapa tahu mengenai anak mereka dan mengetahui takat jangkaan sendiri yang sesuai sebagai seorang ibu bapa.

Jangkaan dan kepuasan merupakan dua bidang yang berbeza tetapi saling berkaitan antara satu sama lain dalam kebanyakan kajian yang telah dilakukan. Namun begitu, kajian yang berkaitan dengan jangkaan ibu bapa dan kepuasan keibubapaan adalah masih kurang, dan sekiranya ada, kebanyakan kajian yang dilakukan adalah mengkaji dua bidang ini secara berasingan. Selain itu, kajian-kajian lepas yang mengkaji hubungan jangkaan dengan kepuasan tidak secara terus tertumpu kepada jangkaan dan kepuasan dalam bidang keibubapaan. Justeru, kajian ini dijalankan bagi melihat pengaruh jangkaan ibu bapa terhadap kepuasan keibubapaan dalam kalangan ibu bapa bekerja di Sabah.

Seterusnya, kajian ini turut mengkaji berkaitan perbezaan tahap pendidikan ibu bapa terhadap kepuasan keibubapaan dalam kalangan ibu bapa bekerja. Hal ini kerana pendidikan dilihat sangat memberi pengaruh dalam kehidupan manusia (Malone, 2011). Pencapaian pendidikan adalah sesuatu yang penting untuk meramal dan menyumbang kepada ekonomi

masa depan khususnya dalam sesebuah institusi keluarga (Haveman & Wolfe, 1994; McLanahan & Sandefur, 1994 dlm Zhan, 2006). Namun begitu, kajian empirikal masih tidak dapat membuktikan secara konsisten berdasarkan kajian-kajian yang telah dilakukan. Sebagai contoh, beberapa kajian lepas melaporkan terdapat hubungan yang positif antara tahap pendidikan dengan tahap kepuasan keibubapaan (Gurin *et al.*, 1966 dlm Jung 1989; Friedman *et al.*, 2006; Raty *et al.*, 2004; Raty & Kasanen, 2007). Hasil kajian ini selari dengan kajian terkini yang dilakukan oleh Tsironi *et al.*, (2012) yang menjelaskan asas pendidikan mengekspresikan tahap kepuasan dalam kalangan ibu bapa. Manakala kajian yang dilakukan oleh beberapa pengkaji lain (seperti Campbell *et al.*, 1978 dlm Jung 1989; Fantuzzo *et al.*, 2006; Galil *et al.*, 2006; Ziviani *et al.*, 2011) pula melaporkan hasil yang sebaliknya iaitu tidak terdapat hubungan di antaranya (tahap pendidikan dengan kepuasan keibubapaan). Justeru, atas kekurangan dan hasil dapatan yang tidak konsisten maka menjadi suatu kepentingan untuk mengkaji perbezaan tahap pendidikan ibu bapa terhadap kepuasan keibubapaan.

Selanjutnya, kajian ini turut meneliti perbezaan status sosio-ekonomi ibu bapa terhadap kepuasan keibubapaan dalam kalangan ibu bapa bekerja. Pearce (2006) menjelaskan bahawa status sosio-ekonomi merupakan asas kepada faktor sosio-budaya dan faktor ini adalah besar serta luar daripada kawalan individu. Hal ini jelas apabila faktor sosio-ekonomi dikenalpasti menjadi sebagai salah satu faktor yang boleh mempengaruhi dinamik perkahwinan dan aspek keibubapaan (Norlina, 2008). Power dan Maluccio (1998) menjelaskan keluarga yang mempunyai status sosio-ekonomi yang rendah mempunyai kediaman yang kurang selesa, amalan pemakanan dan penjagaan kesihatan yang kurang memuaskan serta mempunyai sumber pendapatan yang rendah. Lantaran itu, mereka dilaporkan mempunyai tahap kepuasan yang rendah (Zullig *et al.*, 2005). Pernyataan ini dijelaskan oleh Zullig *et al.*, (2005) yang mendapati orang dewasa yang kurang sihat melaporkan mempunyai tahap kepuasan yang rendah dan memerlukan masa yang lebih lama untuk meningkatkan semula tahap kesihatan fizikal dan mental mereka. Bukan itu sahaja, bahkan keadaan sosio-ekonomi juga dikatakan

boleh merosakkan kualiti hubungan keluarga melalui peningkatan konflik dan penurunan keintiman antara suami isteri (Hardie & Lucas, 2010).

Berdasarkan kajian-kajian yang telah dibincangkan di atas, status sosio-ekonomi sememangnya dilihat memberi impak yang cukup jelas kepada kehidupan berkeluarga. Namun, terdapat beberapa kajian yang melaporkan dapatan yang sebaliknya iaitu tidak terdapat perbezaan antara tahap status sosio-ekonomi terhadap kepuasan keibubapaan (Huebner *et al.*, 2006). Hal ini kerana, menurut Duncan dan Magnuson (2003) bagi mencapai kestabilan status sosio-ekonomi, ia adalah berbeza dari semasa ke semasa yakni mengikut keadaan ekonomi sesebuah negara dan struktur sesebuah keluarga. Berdasarkan pernyataan ini, jelas bahawa aspek yang mengkaji berkaitan perbezaan status sosio-ekonomi sukar untuk diramal kerana keadaan sosio-ekonomi itu sendiri yang tidak konsisten (Conger *et al.*, 2010). Justeru, kajian ini dijadikan sebagai salah satu objektif kajian untuk penelitian yang lebih mendalam sekali gus menyumbang kepada sorotan kajian sedia ada.

Pendekatan Teori

Teori Efikasi Kendiri

Dalam kajian ini, teori efikasi kendiri oleh Bandura (1997) digunakan dalam menjelaskan berkaitan objektif utama kajian iaitu kesan jangkaan ibu bapa terhadap kepuasan keibubapaan. Menurut Bandura (1997), efikasi kendiri ditakrifkan sebagai kepercayaan individu mengenai keupayaan diri dalam melaksanakan sesuatu tugas atau menguasai sesuatu kemahiran dengan jayanya. Teori efikasi kendiri terbentuk daripada teori kognitif sosial atau juga dikenali sebagai teori pembelajaran sosial yang juga dibentuk oleh Bandura (1986). Menurut Bandura, efikasi kendiri merupakan kepercayaan kecekapan peribadi dan ia mempengaruhi keberhasilan sesuatu tingkah laku dan juga dalam pelbagai aspek yang lain.

Bandura (1997) menjelaskan efikasi kendiri juga memainkan peranan apabila seseorang ingin membuat keputusan, cara bertindak, usaha serta ketabahan dalam melaksanakan tugas. Menurut Johnston dan Mash (1989), individu dengan efikasi kendiri yang tinggi mampu untuk mempengaruhi cara mereka

berfikir, bertingkah laku dan akan lebih bermotivasi serta sentiasa berusaha untuk mencapai objektif dan lebih komited berbanding individu yang mempunyai efikasi sendiri yang rendah. Dalam erti kata lain, semakin tinggi dan positif efikasi sendiri seseorang individu, maka semakin besar usaha, ketabahan dan keanjalannya (Nur Hayati *et al.*, 2013). Sebaliknya, individu yang mempunyai efikasi sendiri yang rendah dan negatif akan lebih cenderung berfikir bahawa sesuatu tugas yang dilakukan atau diperolehinya itu lebih sukar dari keadaan sebenar (Kazdin, 2000). Keadaan ini dilihat merbahaya kerana seseorang yang memiliki pemikiran sedemikian akan mencetuskan perasaan kegagalan yang tinggi dan membawa kepada kemurungan, ketegangan dan tidak berdaya (Bandura, 1986).

Berdasarkan penjelasan mengenai teori ini, ia dilihat dapat menjelaskan bagaimana jangkaan ibu bapa mampu mempengaruhi kepuasan keibubapaan. Hal ini jelas kerana efikasi sendiri melibatkan suatu kebolehan dan juga tahap kekuatan terhadap kepercayaan yang dipegang (Bandura, 1997; de Montigny & Lacharite, 2005). Apabila seseorang merasakan dirinya boleh melakukan sesuatu tugas atau kemahiran, mereka akan lebih tekun, menetapkan matlamat dan bertekad untuk mencapai atau mahir dalam tugas tersebut (Bandura, 1982; Dennis & Faux, 1999). Sama seperti dalam kajian ini, ibu bapa yang telah menetapkan jangkaan sebelum memasuki alam keibubapaan akan berusaha untuk mencapai jangkaan yang telah ditetapkan olehnya, dan seterusnya menjadi seorang ibu bapa yang berjaya. Apabila matlamat atau jangkaan yang pada awalnya telah ditetapkan dapat dicapai, secara tidak langsung akan menyumbang kepada kepuasan pada diri ibu bapa tersebut dan inilah yang menghasilkan kepuasan dalam keibubapaan.

Objektif kajian

Antara objektif dalam kajian ini adalah:

1. Mengkaji pengaruh jangkaan ibu bapa terhadap kepuasan keibubapaan dalam kalangan ibu bapa bekerja.
2. Mengkaji perbezaan tahap pendidikan ibu bapa terhadap kepuasan keibubapaan dalam kalangan ibu bapa bekerja.

3. Mengkaji perbezaan status sosio-ekonomi ibu bapa terhadap kepuasan keibubapaan dalam kalangan ibu bapa bekerja.

Hipotesis kajian

Antara hipotesis dalam kajian ini adalah:

1. Terdapat pengaruh jangkaan ibu bapa terhadap kepuasan keibubapaan dalam kalangan ibu bapa bekerja.
2. Terdapat perbezaan tahap pendidikan ibu bapa terhadap kepuasan keibubapaan dalam kalangan ibu bapa bekerja.
3. Terdapat perbezaan status sosio-ekonomi ibu bapa terhadap kepuasan keibubapaan dalam kalangan ibu bapa bekerja.

METODOLOGI

Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian ini adalah menggunakan kaedah tinjauan dengan mengaplikasikan borang soal selidik bagi mengukur jangkaan ibu bapa dengan kepuasan keibubapaan dalam kalangan ibu bapa yang bekerja.

Responden dan Lokasi Kajian

Responden kajian adalah terdiri daripada golongan ibu bapa dengan beberapa kriteria. Antaranya, 1) responden haruslah merupakan seorang suami atau isteri dan mempunyai sekurang-kurangnya seorang anak, 2) masih dalam hubungan perkahwinan yakni bukan seorang yang telah bercerai (duda atau janda) atau kematian pasangan (balu) dan 3) sudi untuk menyertai kajian ini. Seramai 210 orang ibu bapa bekerja telah menjadi responden dalam kajian ini. Pemilihan responden pula adalah dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Hal ini adalah bagi memastikan pemilihan responden adalah mengikut kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Sementara, pengumpulan data telah dilakukan di kawasan bandar dan luar bandar iaitu sekitar daerah Kota Kinabalu dan Beaufort, Sabah.

Alat Kajian

Satu set soal selidik telah digunakan dalam membuat pengumpulan data berkaitan kajian yang ingin dijalankan. Terdapat tiga bahagian yang terbahagi kepada bahagian A, B dan C.

Bahagian A: Sosiodemografi Responden

Bahagian ini mengandungi profil sosiodemografi responden yang terdiri daripada

jantina, tahap pendidikan, status sosio-ekonomi, tempat asal, jenis pekerjaan dan pekerjaan pasangan.

Bahagian B: Parental Comparison Level Index (PCLI)

Bahagian ini pula mengandungi pernyataan-pernyataan yang berkaitan dengan jangkaan ibu bapa yang diukur menggunakan alat kajian *Parental Comparison Level Index (PCLI)* yang direkabentuk oleh Waldron-Hennessey dan Sabatelli (1997). Alat kajian PCLI telah menjalani proses penterjemahan terlebih dahulu oleh pakar dalam bidang bahasa dan psikologi sebelum digunakan. Terdapat sebanyak 40 item bagi alat kajian PCLI ini yang dibahagikan kepada dua subskala iaitu ganjaran (20 item) dan kos (20 item). Bagi mendapatkan skor jangkaan ibu bapa, kesemua item perlu digabungkan (*compute*). PCLI menggunakan pemarkatan 7 skala *Likert* (1 - teruk dari saya jangkakan dan 7 - lebih dari saya jangkakan). Sementara, kebolehpercayaan alat kajian dalam kajian ini adalah 0.86 (skala ganjaran) dan 0.89 (skala kos).

Bahagian C: Parent Satisfaction Scale (PSS)

Bahagian ini pula mengandungi pernyataan-pernyataan yang berkaitan dengan kepuasan keibubapaan yang diukur menggunakan alat kajian *Parent Satisfaction Scale (PSS)* yang direkabentuk oleh Halverson & Duke (dlm Perlmutter *et al.*, 2001, p. 272). Alat kajian PSS telah menjalani proses penterjemahan terlebih dahulu oleh pakar dalam bidang bahasa dan psikologi sebelum digunakan. Terdapat sebanyak 30 item yang dibahagikan kepada 3 subskala iaitu keseronokan dalam keibubapaan (8 item), bebanan dalam keibubapaan (10 item) dan penting dalam keibubapaan (9 item). Terdapat 3 item (item 8, 13 dan 29) yang tidak diskorkan dalam mana-mana skala, namun mengikut manual asal perlu dimasukkan ketika membuat penggabungan (*compute*) untuk mendapatkan skor kepuasan keibubapaan (Halverson & Duke dlm Perlmutter *et al.*, 2001, p. 272). PSS juga menggunakan pemarkatan 7 skala *Likert* (1 - selalu tidak setuju dan 7 - selalu setuju). Manakala, kebolehpercayaan alat kajian dalam kajian ini adalah 0.68 (keseronokan dalam keibuabapaan), 0.65

(bebanan dalam keibubapaan) dan 0.83 (penting dalam keibubapaan).

Prosedur Kajian

Sebelum menjalankan kajian, pengkaji terlebih dahulu menyediakan soal selidik berkaitan dengan objektif kajian. Selanjutnya, proses penterjemahan dilakukan mengikut metod Brislin (1970; 1986). Kedua-dua alat kajian iaitu PCLI dan PSS terlebih dahulu melalui proses penterjemahan dari Bahasa Inggeris ke dalam Bahasa Melayu yang dilakukan oleh pakar dalam bidang psikologi yang mempunyai kebolehan dalam kedua-dua bahasa. Kemudian semakan bahasa dilakukan oleh seorang pakar dalam Bahasa Melayu bagi kedua-dua alat kajian yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu. Setelah itu, alat kajian yang telah diterjemahkan ke dalam Bahasa Melayu melalui proses penterjemahan semula ke dalam Bahasa Inggeris oleh seorang lagi pakar dalam bidang psikologi. Seterusnya, perbandingan dilakukan bagi kedua-dua alat kajian antara yang asal (*original*) dengan yang telah melalui proses penterjemahan.

Selesai proses penterjemahan, langkah selanjutnya adalah membuat kutipan data. Kutipan data dilakukan mengikut kriteria responden yang telah ditetapkan di dua kawasan iaitu sekitar Kota Kinabalu dan Beaufort, Sabah. Masa yang diperuntukan kepada setiap responden dalam mengisi borang soal selidik adalah sekitar 45 minit.

Analisis Data

Data yang diperolehi akan dikodkan dan dianalisis menggunakan perisian IBM SPSS versi 23. Terdapat dua jenis analisis yang digunakan iaitu analisis statistik deskriptif dan analisis statistik inferensi. Analisis statistik deskriptif digunakan dalam memerihalkan berkaitan ciri-ciri sosiodemografi responden. Sementara, analisis statistik inferensi dalam kajian ini pula adalah menggunakan ujian regresi mudah bagi mengkaji pengaruh jangkaan ibu bapa terhadap kepuasan keibubapaan, dan ujian ANOVA sehalu bagi mengkaji perbezaan tahap pendidikan dan status sosio-ekonomi ibu bapa terhadap kepuasan keibubapaan.

DAPATAN KAJIAN

Hasil analisis statistik deskriptif

Jadual 1 : Taburan deskriptif sosiodemografi responden

Ciri sosiodemografi	Kekerapan (N = 210)	Peratusan (%)
Jantina		
Lelaki (bapa)	97	46.2
Perempuan (ibu)	113	53.8
Tahap Pendidikan		
Sekolah rendah	63	30
Sekolah menengah (PMR/SPM/STPM/STPM/Sijil)	80	38.1
IPTA/IPTS (Diploma, Ijazah dan ke atas)	67	31.9
Status sosio-ekonomi		
Rendah (RM0.01 – RM1500)	59	28.1
Sederhana (RM1501 – RM5000)	83	39.5
Tinggi (RM5001 ke atas)	68	32.4
Tempat Asal		
Bandar	84	40
Luar bandar	126	60
Jenis Pekerjaan		
Kerajaan	85	40.5
Swasta	67	31.9
Bekerja sendiri	58	27.6
Pekejaan pasangan		
Bekerja	152	72.3
Tidak bekerja	58	27.6

Hasil analisis statistik deskriptif menunjukkan seramai 210 orang ibu bapa telah menjadi responden dalam kajian ini, dan daripada hasil kajian ini seramai 113 orang responden perempuan (53.8%) dan selebihnya iaitu 97 orang adalah responden lelaki (46.2%). Dari segi tahap pendidikan, majoriti responden melaporkan mempunyai tahap pendidikan di sekolah menengah iaitu seramai 80 orang (38.1%), diikuti IPTS/IPTS 67 orang (31.9%) dan sekolah rendah 63 orang (30%). Sementara, status sosio-ekonomi pula menunjukkan seramai 83 orang (39.5%) berada di tahap sederhana, 68 orang (32.4%) di tahap tinggi dan 59 orang (28.1%) berada di tahap rendah.

Taburan tempat asal pula menunjukkan seramai 126 orang (60%) berasal dari luar bandar dan 84 orang (40%) berasal dari bandar. Jenis pekerjaan responden pula menunjukkan secara majoritinya responden adalah pekerja kerajaan iaitu seramai 85 orang (40%), diikuti pekerja swasta iaitu seramai 67 orang (31.9%) dan bekerja sendiri seramai 58 orang (27.6%). Terakhir, pekerjaan pasangan iaitu seramai 152 orang (72.3%) melaporkan pasangannya bekerja dan seramai 58 orang melaporkan pasangannya tidak bekerja (27.6%). Perincian analisis statistik deskriptif ini ditunjukkan seperti dalam Jadual 1.

Hasil analisis statistik inferensi

Jadual 2 : Pengaruh jangkaan ibu bapa terhadap kepuasan keibubapaan

Kepuasan Keibubapaan	R	R ²	df	f	Sig.
Jangkaan Ibu bapa	.588	.346	1	110.19	.000*
			208		

*k<.05

Berdasarkan keputusan ujian regresi mudah menunjukkan terdapat pengaruh yang signifikan di antara jangkaan ibu bapa (f = 110.19, k<.05) terhadap kepuasan keibubapaan. Jangkaan ibu bapa menyumbang secara positif terhadap kepuasan keibubapaan sebanyak 34.6 peratus varians (R² = .346). Hasil ini menunjukkan bahawa jangkaan ibu bapa yang

tinggi akan menyumbang kepada kepuasan keibubapaan yang tinggi dan begitu juga sebaliknya iaitu jangkaan ibu bapa yang rendah akan menyumbang kepada kepuasan keibubapaan yang rendah. Hasil dapatan ini diperincikan seperti dalam Jadual 2.

Jadual 3 : Perbezaan tahap pendidikan ibu bapa terhadap kepuasan keibubapaan

Kepuasan keibubapaan	Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	f	Sig.
Antara Kump.	.030	2	.015	.052	.949
Dalam Kump.	59.038	208	.288		
Jumlah	59.068				

k>.05

Berdasarkan keputusan ujian ANOVA sehala menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap pendidikan ibu

bapa terhadap kepuasan keibubapaan (f = 0.52, k> .05). Hasil dapatan ini diperincikan seperti dalam Jadual 3.

Jadual 4 : Perbezaan status sosio-ekonomi ibu bapa terhadap kepuasan keibubapaan

Kepuasan keibubapaan	Jumlah Kuasa Dua	df	Min Kuasa Dua	f	Sig.
Antara Kump.	.992	2	.496	1.738	.179
Dalam Kump.	57.941	208	.285		
Jumlah	58.933				

k>.05

Seterusnya, berdasarkan keputusan ujian ANOVA sehala menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara status

sosio-ekonomi ibu bapa terhadap kepuasan keibubapaan (f = 1.738, k> .05). Hasil dapatan ini diperincikan seperti dalam Jadual 4.

PERBINCANGAN

Pengaruh jangkaan ibu bapa terhadap kepuasan keibubapaan

Seperti yang telah dijangkakan oleh pengkaji, hasil keputusan menunjukkan terdapat pengaruh yang signifikan antara jangkaan ibu bapa terhadap kepuasan keibubapaan. Pengaruh jangkaan ibu bapa menyumbang secara positif terhadap kepuasan keibubapaan sebanyak 34.6 peratus varians. Hal ini menjelaskan bahawa jangkaan ibu bapa yang tinggi akan menyumbang kepada kepuasan keibubapaan yang tinggi dan begitu juga sebaliknya iaitu jangkaan ibu bapa yang rendah akan menyumbang kepada kepuasan keibubapaan yang rendah. Hasil dapatan ini disokong menggunakan Teori Efikasi Kendiri oleh Bandura (1997). Menurut Bandura (1997), efikasi sendiri didefinisikan sebagai perasaan seseorang individu terhadap kebolehan untuk menguruskan sesuatu tugas dengan efektif dengan jayanya. Tambahnya lagi, efikasi sendiri memberi kesan kepada seseorang dalam membuat pilihan keputusan, cara bertindak, usaha dan ketabahan melaksanakan sesuatu tugas.

Menerusi kajian ini, pentingnya efikasi sendiri bagi seseorang ibu bapa kerana ibu bapa yang mempunyai efikasi sendiri yang tinggi akan memiliki perasaan bahawa mereka berkebolehan untuk melakukan tugas keibubapaan. Apabila ibu bapa merasakan dirinya boleh melaksanakan tugas keibubapaan, maka mereka akan lebih tekun dan bertekad untuk mencapai jangkaan yang telah ditetapkan serta cuba untuk mahir dalam tugas tersebut (Dennis & Faux, 1999). Bahkan dikatakan juga, individu yang mempunyai kekuatan efikasi sendiri sentiasa berusaha untuk mencapai objektif dan lebih komited jika dibandingkan dengan individu yang rendah efikasi kendirinya (Nur Hayati *et al.*, 2013). Perkara yang sama berlaku dalam konteks pengaruh jangkaan ibu bapa terhadap kepuasan keibubapaan yang mana efikasi sendiri yang dimiliki oleh ibu bapa dapat membantu mereka melaksanakan tugas keibubapaan untuk mencapai jangkaan yang telah ditetapkan, dan akhirnya menyumbang kepada kepuasan dalam keibubapaan. Penjelasan ini turut disokong oleh Johnston dan Mash (1989) yang menjelaskan efikasi ibu bapa

sememangnya menyumbang kepada kepuasan keibubapaan.

Hasil keputusan ini adalah selari dengan kajian lepas iaitu jangkaan mempunyai kesignifikan yang kuat terhadap aspek kepuasan. Namun dalam kajian ini, pengkaji memfokuskan pada pengaruh jangkaan ibu bapa terhadap kepuasan keibubapaan. Berdasarkan hasil kajian yang telah dilakukan oleh Jamiah *et al.*, (2013), menegaskan bahawa ketidakcapaian jangkaan adalah berkaitan secara langsung dengan tahap kepuasan yang rendah. Contohnya, apabila tahap jangkaan ibu bapa adalah sama seperti yang dijangkakan dan jangkaan tersebut dapat dicapai oleh ibu bapa, maka ia akan menyumbang kepada kepuasan dalam perkahwinan dan seterusnya dalam aspek keibubapaan. Namun sebaliknya pula berlaku, apabila tahap jangkaan ibu bapa tidak mencapai jangkaan seperti yang dijangkakan atau diharapkan, maka ia akan menyebabkan ibu bapa tidak mencapai kepuasan dalam perkahwinan (Rumaya *et al.*, 2007) dan begitu juga dalam aspek keibubapaan.

Donny *et al.*, (1998 dlm Kaki *et al.*, 2013) menjelaskan jangkaan ibu bapa sememangnya penting kerana ia membentuk kesan-akibat dan kepuasan pada hubungan perkahwinan serta keibubapaan pada masa hadapan. Oleh itu, jangkaan ibu bapa penting kerana ia mempengaruhi apa yang sebenarnya berlaku dalam sesuatu hubungan khususnya yang berkaitan dengan keibubapaan. Ini turut disokong oleh Azizi *et al.*, (2010) yang menjelaskan bahawa jangkaan manusia juga dikatakan dapat memotivasikan seseorang untuk mencapai apa yang dikehendakinya dan apabila kehendak individu tersebut dapat dicapai, ia akan menghasilkan kepuasan pada diri individu tersebut.

Perbezaan tahap pendidikan ibu bapa terhadap kepuasan keibubapaan

Hasil analisis menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan tahap pendidikan ibu bapa terhadap kepuasan keibubapaan. Hasil keputusan dalam kajian ini menjelaskan bahawa perbezaan tahap pendidikan yang dimiliki oleh ibu bapa bukanlah penyebab kepada perbezaan kepuasan dalam keibubapaan. Hal ini kerana, faktor sosio-budaya serta pengalaman asuhan yang diperolehi oleh ibu bapa sewaktu mereka kecil

antara penyebab tiada perbezaan kepuasan keibubapaan meskipun mereka mempunyai latar belakang pendidikan yang berbeza. Asuhan yang diterima oleh seseorang sewaktu kecil mampu menjadi penentu kepada kepuasan yang bakal mereka perolehi ketika memasuki alam keibubapaan. Ini jelas apabila seseorang individu itu akan mengaplikasikan semula budaya atau cara asuhan yang sama seperti yang digunakan oleh ibu bapanya sewaktu mereka kecil. Gaya asuhan ini boleh diperolehi atau dipelajari tanpa perlu memiliki tahap pendidikan yang tinggi, kerana terdapat sesetengah ibu bapa akan mengkongsikan pengalamannya kepada anak sewaktu anaknya sudah berkahwin atau ketika anaknya baru memasuki alam keibubapaan (menjadi seorang ibu bapa). Selain itu, dunia yang semakin moden juga menjadikan ibu bapa pada masa kini mudah untuk mengakses maklumat berkaitan keibubapaan dengan pantas dan pada masa yang sama membantu ibu bapa membuat pemantauan ke atas anak, merapatkan hubungan ibu bapa-anak dan meringankan beban ibu bapa.

Berdasarkan kajian empirikal pula, terdapat beberapa kajian yang selaras dengan hasil kajian ini iaitu tidak terdapat perbezaan tahap pendidikan terhadap kepuasan keibubapaan (seperti Campbell *et al.*, 1978 dlm Jung 1989; Fantuzzo *et al.*, 2006; Galil *et al.*, 2006; Ziviani *et al.*, 2011). Antara justifikasinya, Kelesidou *et al.*, (2016) menjelaskan bahawa meskipun kebanyakan kajian lepas melaporkan wujudnya perbezaan tahap pendidikan ibu bapa terhadap kepuasan keibubapaan, namun ia masih lemah dan tidak begitu teguh. Hal ini kerana kebanyakan kajian lepas juga melaporkan bahawa ibu bapa yang mempunyai pendidikan yang tinggi meletakkan permintaan yang tinggi dan lebih bersikap mendesak serta kritikal terhadap pengaturan pendidikan anak-anak mereka (Kelesidou *et al.*, 2016). Manakala dari sudut pandangan yang lain pula, adalah disebabkan ibu bapa tersebut telah mencapai kematangan dari aspek psikologi dan ini membolehkan mereka memberi perhatian dan memenuhi keperluan anak yang membawa kepada kejayaan dalam keibubapaan (Belsky, 1984) dan seterusnya mencapai kepuasan dalam keibubapaan. Belsky (1984) menjelaskan kematangan psikologi ini tidak semestinya dapat diperkembangkan melalui

pendidikan yang diterima, tetapi juga dapat diasah melalui pengalaman seharian.

Perbezaan status sosio-ekonomi terhadap kepuasan keibubapaan

Bagi analisis ujian ANOVA sehalu yang mengkaji perbezaan status sosio-ekonomi terhadap kepuasan keibubapaan mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan antara status sosio-ekonomi terhadap kepuasan keibubapaan. Hasil keputusan ini secara tidak langsung menjelaskan bahawa perbezaan status sosio-ekonomi yang dimiliki oleh ibu bapa bukanlah salah satu faktor penyebab kepada kepuasan keibubapaan. Berdasarkan hasil dapatan ini, terdapat beberapa justifikasi yang dapat dikaitkan dengan ciri sosiodemografi responden dalam kajian ini. Misalnya, jenis pekerjaan ibu bapa dalam kajian ini secara majoritinya adalah kakitangan kerajaan (40.5%) dan diikuti kakitangan swasta (31.9%). Kedua-dua jenis pekerjaan ini jika dilihat dalam konteks pekerjaan di Malaysia, mereka menerima banyak kelebihan dari segi kemudahan yang ditawarkan daripada organisasi baik kerajaan mahupun swasta. Sebagai contoh, kemudahan perubatan, tempat tinggal dan terdapat juga sesetengah organisasi memberi kemudahan pusat asuhan atau taska dan tadika kepada kakitangannya dengan kadar bayaran yang bersesuaian. Bukan itu sahaja, bahkan jika dilihat pada ciri demografi pekerjaan pasangan, majoriti responden juga melaporkan mempunyai pasangan yang turut bekerja (72.3%), yang mana ini secara tidak langsung menunjukkan kerjasama dan toleransi antara suami isteri dalam menyumbang kepada status sosio-ekonomi yang lebih stabil yang akhirnya kesemua ini menyumbang ke arah kepuasan keibubapaan.

Hasil kajian ini selari dengan kajian yang dilakukan oleh Huebner *et al.*, (2006) yang mendapati bahawa kepuasan hidup tidak mempunyai perkaitan dengan jantina, bangsa serta status sosio-ekonomi ke atas sampel berbangsa Caucasian dan African American. Sementara itu, dalam kajian yang dilakukan oleh Yamamoto dan Holloway (2010), mendapati bahawa pelajar yang datang daripada latar belakang keluarga yang berpendapatan rendah dilaporkan mempunyai jangkaan yang berbeza dengan pelajar yang datang daripada keluarga yang berpendapatan tinggi. Tidak terdapat perbezaan antara status

sosio-ekonomi adalah kerana pelajar ini perlu menyesuaikan dengan keadaan mereka agar jangkaan yang diletakkan tidak terlalu optimistik dan realistik serta dapat dicapai, sekali gus mencapai kepuasan hidup. Sama seperti hasil dapatan dalam kajian ini yang mana jangkaan mempunyai pengaruh positif ke atas kepuasan keibubapaan. Justeru, tidak hairanlah sekiranya status sosio-ekonomi bukanlah menjadi penentu kepada kepuasan dalam keibubapaan kerana ibu bapa tahu tahap kemampuan diri dan cara untuk menyesaikannya.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, hasil kajian ini membuktikan bahawa jangkaan sememangnya mempunyai pengaruh yang signifikan ke atas kepuasan dalam bidang keibubapaan sama seperti kebanyakan kajian yang telah dilakukan sebelum ini meskipun dalam bidang yang berlainan. Tambahan juga dalam kajian ini, perbezaan tahap pendidikan dan status sosio-ekonomi ibu bapa didapati bukanlah penentu kepada kepuasan dalam keibubapaan memandangkan hasil kajian ini mendapati tidak wujud perbezaan tahap pendidikan dan status sosio-ekonomi ibu bapa terhadap kepuasan keibubapaan. Ringkasnya, alam keibubapaan merupakan satu fasa yang amat mencabar bagi segelintir pasangan yang baru memasuki fasa ini. Justeru, menerusi hasil kajian ini, ia memberi implikasi yang cukup jelas khususnya kepada golongan ibu bapa atau kepada mereka yang bakal menjadi ibu bapa untuk tidak meletakkan harapan dan jangkaan yang terlalu optimistik dan realistik. Hal ini kerana ia akan memberi kesan kepada tahap kepuasan keibubapaan kelak. Sebaliknya, ibu bapa perlu menyesaikannya dengan kemampuan diri dan keluarga.

RUJUKAN

- Azizi Yahaya, Mohd Hajib Ghaffar Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Adibah Abdul Aziz. (2010). Tinjauan amalan keibubapaan dari perspektif anak-anak keluarga miskin di Mukim Balang, Muar, Johor. *Jurnal Pendidikan*, 20(3), 43–53.
- Bandura, A. (1982). Self-efficacy in human agency. *Journal of American Psychologist*, 37, 122-147.
- Bandura, A. (1986). *Social foundations of thought and action*. New Jersey: Prentice Hall.
- Bandura, A. (1997). *Social foundation of thought and action: A social cognitive theory*. New Jersey: Prentice Hall.
- Belsky, J. (1984). The determinants of parenting: A process model. *Child Development*, 55, 83-96.
- Bouchard, G. (2009). Parents-to-be with overly optimistic expectation of parenthood: who are they and what should counselors do? *Canadian Journal of Counseling*, 43(3), 165-177.
- Brislin, R. W. (1970). Back-translation for cross-cultural research. *Journal of Cross-cultural Psychology*, 1(13), 187-216.
- Brislin, R. W. (1986). The wording and translation of research instruments. In W. L. Lonner & J. W. Berry (Eds.). *Field methods in cross-cultural research* (pp. 137-164). Newbury Park, CA: Sage.
- Carpenter, A., & Donohue, B. (2006). Parental satisfaction in child abuse and neglected: A review of standardized measures. *Journal of Aggression and Violent Behavior*, 11, 577-586.
- Conger, R. D., Conger, K. J., Davis, M. J. M. (2010). Socioeconomic status, family processes and individual development. *Journal of Marriage and Family*, 72, 685-701.
- Conner, J. M., & Nelson, E. C. (1999). Neonatal intensive care: Satisfaction measure from a parent's perspective. *Journal of Pediatrics*, 103(1), 336-349.
- Conner-Spady, L.B., Sanmartin, C., Johnston, H. G., McGurran, J. J., Kehler, M., & Noseworthy, W. T. (2011). The importance of patient expectation as a determinant of satisfaction with waiting times for hip and knee replacement

- surgery. *Journal of Health Policy*, 101, 245-252.
- de Montigny, F., & Lacharite, C. (2005). Perceived parental efficacy: Concept analysis. *Journal of Advanced Nursing*, 49(4), 387-396.
- Dennis, C., & Faux, S. (1999). Development and Psychometric testing of the breastfeeding self-efficacy scale. *Research in Nursing and Health*, 22, 399-409.
- Duncan, G. J., & Magnuson, K. A. (2003). Off with hollingshead: Socioeconomic resources, parenting, and child development. In M. H. Bornstein & R. H. Bradley (Eds.), *Socioeconomic status, parenting, and child development* (pp. 83-106). Mahwah, NJ: Erlbaum.
- Fantuzzo, J., Perry, M. A., & Childs, S. (2006). Parent satisfaction with education experiences scale: A multivariate examination of parent satisfaction with early childhood education programs. *Early Childhood Research Quarterly*, 21, 142-152.
- Friedman, B. A., Bobrowski, P. E., & Geraci, J. (2006). Parents' school satisfaction: Ethnic similarities and differences. *Journal of Educational Administration*, 44, 471-486.
- Galil, A., Bachner, Y. G., Merrick, J., Flusser, H., Lubetzky, H., Heiman, N., & Carmel, S. (2006). Physician-parent communication as predictor of parent satisfaction with child development services. *Research Developmental Disabilities*, 27, 233-242.
- Hardie, H. J., & Lucas, A. (2010). Economic factors and relationship quality among young couples: Comparing cohabitation and marriage. *Journal of Marriage and Family*, 7, 1141-1154.
- Harwood, K., McLean, N., & Durkin, K. (2007). First-time mothers' expectation of parenthood: What happens when optimistic expectations are not matched by later experiences? *Journal of Developmental Psychology*, 43, 1-12.
- Haveman, R., & Wolfe, B. (1994). *Succeeding generations: On the effects of investment in children*. Russell Sage Foundation.
- Huebner, E. S., Suldo, S. M., & Gilman, R. (2006). Life satisfaction. In *Children's needs III: Development, prevention, and intervention* (p. 357-368). Washington, DC, US: National Association of School Psychologists.
- Jamiah Manap, Arena Che Kassim, Suzana Hoesni, Salina Nen, Fazilah Idris, & Fatihah Ghazali. (2013). The purpose of marriage among single Malaysian youth. *Journal of Social and Behavioral Sciences*, 82, 112-116.
- Johnston, C., & Mash, E. J. (1989). A measure of parenting satisfaction and efficacy. *Journal of Clinical Child Psychology*, 18(2), 167-175.
- Jung, J. R. (1989). *Multiple factor contribution to marital satisfaction in Korean American marriage and correlation with three dimension of family life satisfaction-marital, parental and self-satisfaction*. Published Doctoral Dissertation, Kansas State University, Manhattan Kansas.
- Kaki, A., Afshariniya, K., Kakabarai, K., & Tahmasebian, A. H. (2013). Prediction of marriage expectation based on information processing styles among university students. *Journal of Economy, Management and Social Science*, 2(12), 1018-1021.
- Kazdin, A. (2000). *Encyclopedia of Psychology* (Vol. 7). Washington, DC: New York: Oxford University Press.
- Kelesidou, S., Chatzikou, M., Tsiamagka, E., Koutra, E., Abakoumkin, G., & Tseliou, E. (2016). The role of parents' educational level and centre type in parent satisfaction with early childhood care centres: A study in Greece. *European Early Childhood Education Research Journal*, 1-16.
- Langdridge, D., Connolly, K., & Sheeran, P. (2000). Reasons for wanting a child: A network analytic study. *Journal of Reproductive and Infant Psychology*, 18, 321-338.
- Lawrence, E., Nylén, K., & Cobb, J. R. (2007). Prenatal expectations and marital satisfaction over the transition to parenthood. *Journal of Family Psychology*, 21(2), 155-164.
- Liu, L. & Wang, M. (2015). Parenting stress and harsh discipline in China: The moderating roles of marital satisfaction and parent gender. *Journal of Child Abuse and Neglect*, 43, 73-82.
- Malone, A. K. (2011). *Mother's Perceptions of Work-Family Conflict and The*

- Relationship To Positive Parenting and Parental Satisfaction*. Published doctoral dissertation thesis, Iowa State University, Ames, Iowa.
- McNulty, J. K., & Karney, B. R. (2002). Expectancy confirmation in appraisals of marital interactions. *Personality and Social Psychology Bulletin*, 28, 764-775.
- Mouton, P. Y., & Tuma (1988). Stress, locus of control, and role satisfaction in clinic and control mothers. *Journal of Clinical Child Psychology*, 17(3), 217-224.
- Norlina Omar. (2008). Impak sosioekonomi ke atas dinamik perkahwinan dan kualiti keibubapaan wanita Melayu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 19, 1-17.
- Nur hayati Khalid, Rosini Abu & Ramlah Hamzah. (2013). *Efikasi sendiri menjahit pelajar bidang fesyen*. Seminar Pasca Siswazah dalam Pendidikan (GREDUC, 2013).
- Pearce, R. R. (2006). Effects of cultural and social structural factors on the achievement of White and Chinese students at school transition points. *American Education Research Journal*, 43(1), 75-101.
- Perlmutter, F. B., Tauliatos, J., & Holden, W. G. (2001). *Handbook of Family Measurement Techniques: Instruments & Index* (Vol. 3). United Kingdom: Sage Publication LTD.
- Power, M., & Maluccio A. N. (1998). Intergenerational approach helping families at risk. *Journal of Generation*, 22(4), 37-43.
- Raty, H., Jaukka, P., & Kasanen, K. (2004). Parents' satisfaction with their child's first year of school. *Social Psychology of Education*, 7, 463-479.
- Raty, H., & Kasanen, K. (2007). Parents' perceptions of their children's schools: Findings from a five-year longitudinal study. *Educational Studies*, 33, 339-351.
- Rumaya Juhari, Tsen, I., & Siti Nor Yaacob. (2007). Pengaruh personaliti ke atas kualiti perkahwinan responden Cina di Sandakan, Sabah. *Borneo Research Journal*, 1, 219-235.
- Salonen, A. H., Kaunonen, M., Astedt-Kurki, P., Jarvenpaa, L. A., Isoaho, H., & Tarkka, M. T. (2011). Effectiveness of an internet-based intervention enhancing Finnish parents' parenting satisfaction and parenting self-efficacy during the postpartum period. *Journal of Midwifery*, 27, 832-841.
- Seginer, R. (2009). *Future orientation: Developmental and ecological perspectives*. New York: Springer.
- Suhaimi-Aidan, Y. & Benbenishty, R. (2011). Future expectations of adolescents in residential care in Israel. *Journal of Children and Youth Services*, 33, 1134-1141.
- Tsironi, S., Bovaretos, N., Tsoumakas, K., Giannakopoulou, M., & Matziou, V. (2012). Factor affecting parental satisfaction in the neonatal intensive care unit. *Journal of Neonatal Nursing*, 18, 183-192.
- Uysal, G. & Cirlak, A. (2014). The expectation related to nursing and the satisfaction level of the parents of the children who have acute health problems. *Journal of Social and Behavior Sciences*, 152, 435-439.
- Voydanoff, P., & Donnelly, B. W. (1998). Parents' risk and protective factors as predictors of parental well being and behavior. *Journal of Marriage and the Family*, 60(2), 344.
- Waldron-Hennessey, R., & Sabatelli, R. M. (1997). Parent Comparison Level Index (PCLI). In Perlmutter, F. B., Tauliatos, J., & Holden, W. G. (2001). *Handbook of Family Measurement Techniques: Instruments & Index* (Vol. 3). United Kingdom: Sage Publication LTD.
- Yamamoto, Y., & Holloway, D. S. (2010). Parental expectation and children's academic performance in socio-cultural context. *Education Psychology Review*, 22, 189-214.
- Zarinah Arshat & Rozumah Baharudin. (2011). Perkaitan antara faktor sosio-ekonomi dan kualiti tingkah laku keibubapaan dalam keluarga berisiko. *Jurnal Kemanusiaan*, 17, 57-65.
- Zhan, M. (2006). Assets, parental expectations and involvement, and children's education performance. *Children and Youth Services Review*, 28, 961-975.
- Ziviani, J., Feeney, R., & Khan, A. (2011). Early intervention services for children with physical disability: Parents perceptions of family-centeredness and service satisfaction. *Infants and Young Children*, 24, 364-382.

Zullig, K. J., Valois, R. F., Huebner, E. S., & Drane, J. W. (2005). Adolescent health related quality of life and perceived satisfaction with life. *Quality of Life Satisfaction: An International Journal of Quality of Life Aspects of Treatment, care & Rehabilitation*, 14, 1573-1584.